

IKLAN JAWATAN KOSONG



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang ditubuhkan oleh Parlimen melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 adalah merupakan sebuah Institusi Kebangsaan Hak Asasi Manusia (NHRI) yang dipertanggungjawab untuk memupuk kesedaran dan mempertahankan hak asasi manusia. SUHAKAM ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berinovatif, berdedikasi dan berkelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

- Jawatan : **KETUA PENOLONG SETIAUSAHA GRED 48**
• **PEJABAT SABAH**
- Tanggagaji : RM5,206.00 dan elaun tambahan sebanyak RM1,550.00 sebulan
- Taraf Jawatan : Tetap (Tidak Berpencen)
- Bertempat di : Pejabat Sabah (Cawangan)
- Kelayakan :
- i. Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Sosial, Undang-Undang, Hubungan Antarabangsa, atau bidang yang berkaitan dari Universiti atau Institusi Pendidikan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya;
 - ii. Mempunyai pengalaman bekerja berkaitan sekurang-kurangnya 5 tahun dan mempunyai pengetahuan dan kefahaman mengenai hak asasi manusia di samping mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan dan kewangan;
 - iii. Kredit Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Suruhanjaya;
 - iv. Mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam penulisan laporan, menjalankan penyelidikan dan aktiviti mempromosi hak asasi manusia;
 - v. Mahir bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris; dan
 - vi. Mampu bekerja dalam pasukan dengan pemantauan yang minimum.

Kekosongan : 1 kekosongan

Jawatan

Tanggungjawab : Ketua Penolong Setiausaha Pejabat Cawangan Sabah akan bertanggungjawab, antara lain seperti berikut:

- i) Mengawal selia Pejabat Cawangan dan memantau pengurusan pegawai bawahan dari semasa ke semasa;
- ii) Merancang, melaksanakan dan memantau sasaran kerja tahunan seperti aktiviti mempromosi hak asasi manusia, menjalankan kajian, melaksanakan siasatan terhadap aduan pelanggaran hak asasi manusia serta memantau perbelanjaan Pejabat Cawangan.
- iii) Menjalinkan hubungan kerjasama dengan pihak berkepentingan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk mempromosi hak asasi manusia;
- iv) Melaksanakan lain-lain tugas sepertimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Cara Memohon

Calon-calon yang berminat adalah diminta untuk mengemukakan surat permohonan yang lengkap seperti maklumat diri beserta salinan sijil-sijil akademik dan salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan, surat rujukan majikan serta sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) melalui pos atau melalui serahan tangan **sebelum atau pada 30 September 2022 (Jumaat)** kepada:

**Setiausaha
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.
Laman Web: www.suhakam.org.my
(U.P.: Unit Pengurusan Sumber Manusia)**

Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sebelah penjuru kiri sampul surat. Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Puan Nurulhidayati di talian 03-2612 5600.